

MENSYUKURI NIKMAT KEMERDEKAAN

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ

سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا
عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa Taala dengan mengerjakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala tegahan-Nya; mudah-mudahan kita akan mendapat kejayaan di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala,

Hari Kebangsaan merupakan tarikh penting dalam sejarah sesebuah negara yang merdeka. Kemerdekaan membolehkan negara itu memainkan peranan yang berkesan bagi memakmurkan bumi Allah Subhanahu wa Taala.

Kemerdekaan bagi seorang muslim membawa maksud bahawa dia bebas merdeka daripada menghambakan diri selain daripada Allah. Firman Allah di dalam surah Az-Zaariyat ayat 56:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

﴿٥٦﴾ وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

Yang bermaksud: " Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada-Ku."

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala,

Di dalam Kitab Bidayah Wannihayah satu ungkapan yang pernah disebut oleh Rab'i bin Amir kepada panglima Parsi, Rustum menjelaskan maksud kemerdekaan sebenar dalam Islam. Apabila ditanya oleh Rustum, mengapakah umat Islam datang ke Parsi? Maka dijawab oleh Rab'i bin Amir:

"Allah telah mengutuskan kami untuk mengeluarkan manusia daripada menyembah makhluk kepada menyembah Allah Subhanahu wa Taala, daripada kesempitan dunia kepada keluasan akhirat, daripada kebatilan agama lain kepada kebenaran Islam".

Oleh itu, kemerdekaan adalah satu nikmat yang wajib disyukuri, diisi dengan perkara yang diperintahkan oleh Allah Subhanahu wa Taala serta perlu dipertahankan.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala,

Islam adalah agama pembebasan dan kemerdekaan. Kemerdekaan sebenar ialah apabila kita sebagai individu, mahupun secara bernegara berjaya mengamalkan ajaran Islam dengan sempurna dan apabila syariat Islam dapat dilaksanakan sepenuhnya. Islam satu agama yang memerdekakan manusia daripada perhambaan kepada peraturan ciptaan manusia kepada cara hidup yang mendapat keredaan Allah Subhanahu wa Taala, memerdekakan manusia

daripada syirik kepada mengesakan Allah Subhanahu wa Taala, memerdekakan manusia daripada menjadi tawanan hawa nafsu kepada pengabdian sepenuhnya kepada Allah Subhanahu wa Taala.

Sebagaimana firman Allah Subhanahu wa Taala di dalam Surah Al-An'am ayat 153:

وَأَنَّ هَذَا صِرَاطِي مُسْتَقِيمًا فَاتَّبِعُوهُ وَلَا تَتَّبِعُوا السُّبُلَ فَتَفَرَّقَ بِكُمْ عَن سَبِيلِهِ ذَٰلِكُمْ وَصَّيْنَاكُمْ بِهِ

لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٥٣﴾

Yang bermaksud : “ *Dan bahawa sesungguhnya inilah jalan-Ku (agama islam) yang betul lurus, maka hendaklah kamu menurutnya; dan janganlah kamu menuruti jalan (yang lain daripada islam), kerana jalan-jalan yang lain itu menceraikan kamu dari jalan Allah. Dengan yang demikian itulah Allah perintahkan kamu , supaya kamu bertakwa.*”

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala,

Ketahuiilah Islam ialah agama bagi Persekutuan, tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana Bahagian Persekutuan.

Sebagai umat Islam, wajib kita mempertahankan peruntukan ini yang telah termaktub sejak kemerdekaan 60 tahun yang lalu dan memperkasakan serta memartabatkan agama Islam dalam Perundangan kita seperti cadangan memperkasakan akta 355.

Mempertikaikan kedudukan agama Islam di negara ini adalah menyalahi Perlembagaan dan boleh menjejaskan akidah. Dengan itu, mereka yang tidak mahu mempertahankan dan mahu memindanya bererti mereka mahu membawa kembali penjajahan dalam bentuk yang baharu, sedangkan kita sama sekali

tidak mahu kuasa luar mencampuri urusan pentadbiran negara yang boleh merosakkan agama dan negara kita seperti mempelawa kuasa-kuasa mencampuri urusan negara serta memburukkan imej negara di peringkat antarabangsa. Sabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari:

لَا يُدْعَغُ الْمُؤْمِنُ مِنْ جُحْرٍ وَاحِدٍ مَرَّتَيْنِ

Yang bermaksud: “Tidak sepatutnya orang mukmin itu dipatuk dua kali pada lubang yang sama”.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala,

Ketahuilah bahawa kita sekarang sedang menghadapi penjajahan dalam bentuk baharu seperti penjajahan budaya hiburan yang mengajak kepada maksiat dan fahaman-fahaman yang menyesatkan seperti liberalisme yang membenarkan perempuan menjadi imam kepada kaum lelaki dan menuntut seks bebas dan lain-lain.

Marilah kita sehati sejiwa bersepakat untuk mengisi kemerdekaan dengan meletakkan Islam mengatasi kepentingan lain sebagai pengisian utama kemerdekaan negara ini, agar negara kita benar-benar merdeka dengan melaksanakan syariat Allah Subhanahu wa Taala dalam segenap kehidupan kita.

Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam surah Ali-Imran ayat 19 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ ^ظ وَمَا اخْتَلَفَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ إِلَّا مِنْ بَعْدِ مَا

جَاءَهُمُ الْعِلْمُ بَغْيًا بَيْنَهُمْ ^ظ وَمَنْ يَكْفُرْ بِآيَاتِ اللَّهِ فَإِنَّ اللَّهَ سَرِيعُ الْحِسَابِ ﴿١٩﴾

Yang bermaksud: “*Sesungguhnya agama (yang benar dan diredai) di sisi Allah ialah Islam. Dan orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang diberikan kitab itu tidak berselisih (mengenai agama Islam dan enggan menerimanya) melainkan setelah sampai kepada mereka pengetahuan yang sah tentang kebenarannya; (perselisihan itu pula) semata-mata kerana hasad dengki yang ada dalam kalangan mereka. Dan (ingatlah), sesiapa yang kufur ingkar akan ayat-ayat keterangan Allah, maka sesungguhnya Allah amat segera hitungan hisab-Nya.*”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا وَاسْتَغْفِرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ
إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.